

Media: Sinar Harian
Date: 11 Dec 2022

Berkeluasan 18.6 hektar, dibuka sempena sambutan ulang tahun ke-60 syarikat di Malaysia

Oleh NORARDAH ASSAN
SEREMBAN

Ajinomoto (M) Berhad (AMB) secara rasmi membuka kilang mesra alam baharu di tapak seluas 18.6 hektar (46 ekar) di Bandar Enstek Halal Hub di sini pada Sabtu sempena sambutan ulang tahun ke-60 syarikat itu di Malaysia.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif AMB, Tomoharu Abe berkata, kilang syarikat itu dari Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur berpindah ke lokasi baharu di Bandar Enstek merupakan kilang pintar dan bangunan hijau yang diperakui.

"Teknologi canggih yang mengoptimalkan operasi melalui automasi dan penigitalan telah diperbedakan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

"Kilang ini telah direka untuk menyediakan suasana yang kondusif dan mesra kerja bagi kakitangan serta dilengkapi dengan fasiliti rekreasi.

"Selain itu, ia menggalakkan penglibatan pelanggan dan kelestarian alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan.

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir berkenan merasmikan pembukaan kilang berkenaan pada Sabtu.

Hadir sama, Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Negeri Sembilan, Datuk Ismail Ahmad; Duta Jepun di Malaysia, HE Katsuhiko Takahashi; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Ajinomoto Co Inc, Taro Fujie dan Pengerusi AMB, Tan Sri Teo Chiang Liang.

Menurut Tomoharu, kilang baharu itu kini menampung 60 peratus dari pada 18.6 hektar dan mempunyai ruang yang cukup untuk pembangunan masa hadapan.

"Ia juga mempunyai kelengkapan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dan pelanggan seperti lawatan kilang, kelas memasak serta beng-

AMB buka kilang mesra alam di Bandar Enstek



Tuanku Muhriz (empat dari kiri) berkenan merasmikan pembukaan kilang baharu AMB di Bandar Enstek Halal Hub pada Sabtu.

kel berasaskan penyelesaian bagi pelanggan industri," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, syarikatnya berjaya mengurangkan pelepasan karbon dioksida dengan menukarkan sumber haba dari minyak bahan api ke gas asli serta menggunakan tenaga boleh diperbaharui melalui panel solar yang dipasang.

"Inisiatif ini menyokong strategi kelestarian sedunia Kumpulan Ajinomoto untuk mempromosikan kesihatan dan kehidupan lebih baik dan untuk mengurangkan kesan pada alam sekitar," jelasnya.

Sementara itu, Chiang Liang berkata, dalam keadaan dunia yang berdepan dengan pandemik Covid-19, syarikat itu masih bertuah apabila berjaya merayakan dua peristiwa penting pada tahun ini iaitu pembukaan kilang baharunya di negara ini dan sambutan ulang tahun syarikat ke-60 tahun.

"Melangkah ke hadapan, kita akan berusaha menjadi syarikat makanan halal sedunia berorientasi pelanggan yang menyumbangkan dalam menangani isu pemakanan dan kesihatan masyarakat melalui kepakaran dan penyelesaian inovatif kami," katanya.



Tuanku Muhriz (dua dari kiri) berkenan melawat Visitor Gallery di kilang itu.



Antara produk keluaran AMB.



AMB secara rasmi membuka kilang mesra alam baharu di tapak seluas 18.6 hektar di Bandar Enstek Halal Hub pada Sabtu.